

BERITA HARIAN

DATE: 7 / 3 / 2008

# Dulu antipembangkang, sekarang kutuk kerajaan

BH - 7/3/2008

## PM selar tindakan tak bertanggungjawab Anwar burukkan negara



Oleh Fazli Abdullah  
dan Norakmah Mat Youb

**G**EORGETOWN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan perbuatan Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim, memburukkan kerajaan pada sidang akhbar bersama media asing di Singapura, sebagai tidak bertanggungjawab.

"Dulu Anwar tidak suka pembangkang buat taktik seperti itu, tapi sekarang dia sendiri yang melakukannya," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, Anwar ketika menjadi menteri dulu, juga suka mengata parti pembangkang sampai tidak ada had.

"Sekarang, apabila beliau bukan lagi menteri, dia buat perkara yang sama tetapi kini mengutuk kerajaan pula," katanya pada sidang media selepas melancarkan projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) serta menaikkan taraf dan pembinaan Pusat Jantung dan Pembedahan Hospital Pulau Pinang (HPP) di sini, semalam.

Perdana Menteri diminta mengulas tindakan Anwar menyerang kepimpinan negara yang disifatkan sebagai gagal ketika mengadakan sidang media di sebuah hotel di Singapura, kelmarin.

Sementara itu di **BUKIT MERTAJAM**, Abdullah malam tadi mengempur kubu kuat PKR di Permatang

Pauh dekat sini, dan bertekad akan merampas kembali kawasan yang dikuasai pembangkang sejak dua penggal lalu.

Serentak itu, Perdana Menteri mengajak penduduk di kawasan berkenaan supaya kembali menyokong Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-12, esok, bagi mem-

bolehkan kerajaan meneruskan agenda pembangunan.

"Saya mahu penduduk Permatang Pauh kembali menyokong BN pada pilihan raya kali ini. Pengundi tidak akan kecewa kerana kerajaan sudah menyusun pembangunan untuk dijayakan di kawasan ini.

"Marilah kita bawa pembaharuan bersama untuk Permatang Pauh, insya-Allah kita akan berjaya. Undilah (BN) untuk mendapatkan kemakmuran dan kemajuan. Ini yang kita mahu - aman, selamat dan makmur," katanya.

Beliau berkata demikian pada ucapan pada majlis Program Perdana Menteri Bersama Rakyat Permatang Pauh di Taman Guar Perahu, Permatang Pauh. Hadir sama, Datin Seri Jeanne Abdullah serta keempat-empat calon BN kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen Permatang Pauh.

**“Dulu Anwar tidak suka pembangkang buat taktik seperti itu, tapi sekarang dia sendiri yang melakukannya”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri